

Peroleh rebat GST prabayar 24 jam selepas tambah nilai

Putrajaya: Rebat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi tambah nilai prabayar mudah alih akan dibayar balik ke akaun prabayar pengguna dalam tempoh 24 jam selepas tambah nilai dibuat.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memaklumkan, mekanisme baharu itu yang akan dilaksanakan selama setahun bermula 1 Januari ini hanya akan membabitkan pengguna war-

ga Malaysia.

“Sebagai contoh, apabila pengguna menambah nilai RM10, pengguna akan menerima kredit bernilai RM9.43 dan RM0.57 (enam peratus) akan dipotong sebagai GST. Kemudian, pengguna akan menerima kembali RM0.57 sebagai rebat dalam tempoh 24 jam,.

Selepas 1 Januari depan

“Selepas 1 Januari 2016, stok

isian semula prabayar yang lama akan dijual pada harga asal. Pembekal perkhidmatan diberi masa selama 15 hari untuk memastikan pengedar dan ejen mematuhi arahan,” katanya dalam kenyataan di laman web SKMM.

Pada Bajet 2016 yang dibentangkan Oktober lalu, kerajaan mengumumkan mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2016, pengguna di Malaysia akan memperoleh rebat peng-

gunaan kad prabayar bersamaan jumlah GST yang dibayar.

Pada masa ini, pengguna perkhidmatan prabayar mudah alih perlu membayar caj GST sebanyak enam peratus. Sebanyak 33 juta akaun prabayar mudah alih berdaftar di Malaysia ketika ini, dengan lima juta adalah milik warga asing.

SKMM berkata, pengguna tidak akan dikenakan GST apabila mendaftar untuk nombor prabayar yang baharu kerana tiada yuran pendaftaran dikenakan, namun akan dikenakan cukai itu atas pembelian pek SIM prabayar dengan caj berkenaan termasuk dalam harga pek SIM.